

CNS5150

U PB 12-01 00156 BB142

AAB

Mahathir - Kelantan

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata UMNO tidak akan campur tangan dalam perkembangan terbaru politik di Kelantan.

Katanya, UMNO juga tidak ada kena-mengena dengan perkembangan yang berlaku di Kelantan.

+Kita (UMNO) berpendapat bahawa kita tidak ada kena-mengena dengan apa yang berlaku di Kelantan kerana kita bukan berkuasa di Kelantan.+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, sambil berulang kali menegaskan bahawa UMNO tidak akan campur tangan di Kelantan, berkata terpulanglah kepada kerajaan yang diterajui oleh PAS untuk memerintah negeri itu.

Dalam perkembangan politik terbaru di Kelantan kelihatan seolah-olah timbul pertelagahan dalam kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah apabila ada pemimpin Parti Semangat 46 yang mempertikaikan kejujuran PAS dan kesaksamaan dalam pembahagian kuasa dan jawatan di negeri itu. -- Lagi

♥12/01/15-51MST

CNS5151

U PB 12-01 00160 BB143

AAB

Mahathir -- Kelantan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata perkembangan politik di Kelantan itu bagaimanapun turut dibincangkan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini di samping perkembangan politik negara keseluruhannya.

Ketika menjawab pertanyaan mengenai hasrat Kerajaan Kelantan mahu melaksanakan hukum hudud dan sanggup ke mahkamah untuk menentukan hak mereka melaksanakan hukum itu, beliau berkata itu hak mereka untuk pergi ke mahkamah.

Beliau berkata Kerajaan Pusat tidak akan melarang jika Kerajaan PAS Kelantan mahu ke mahkamah bagi menentukan kuasanya (Kerajaan PAS).

+Jika mereka pergi ke mahkamah, kita akan membuat penjelasan (daripada segi) perlembagaan...apa yang boleh dan tidak boleh dibuat,+ tambah Perdana Menteri.

Katanya, dari situ terpulanglah kepada hakim untuk membuat keputusan sama ada mereka (Kerajaan Kelantan) boleh melaksanakan hukuman memotong kepala dan tangan orang dan sama ada hukuman itu terhad kepada orang Islam saja manakala orang bukan Islam boleh bebas daripada hukuman itu. -- Lagi

♥12/01/15-51MST

CNS5152

U PB 12-01 00152 BB144

AAB

Mahathir - Kelantan 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kita patuh kepada undang-undang.+ Beliau menjelaskan bagaimanapun hukum hudud mencakupi bidang yang lebih luas dan tidak terhad kepada hukuman potong tangan saja.

Katanya, tanpa mendapatkan keputusan mahkamah dan tanpa melanggar Perlembagaan Persekutuan pun, ada bidang-bidang kuasa tertentu yang berada di dalam tangan Kerajaan Negeri Kelantan dan boleh mereka gunakan untuk melaksanakan perkara tertentu.

+Umpamanya loteri, kalau mereka tidak bersetuju dengan loteri mereka tidak boleh menarik lesen loteri tetapi mereka boleh menutup premis perniagaan loteri itu, yang bidang kuasanya berada di dalam bidang kuasa kerajaan tempatan.

+Kalau mereka tidak bersetuju dengan riba, mereka berkuasa menutup atau tidak melesenkan tempat perniagaan sedemikian dan begitu juga dengan penjualan arak, dengan soal aurat, soal pakaian pasukan bola sepak bagi lelaki dan bagi wanita...Semua ini dalam bidang kuasa mereka.+ tambahnya.
-- Lagi

♥12/01/15-52MST

CNS5160

U PB 12-01 00057 BB146

AAB

Mahathir - Kelantan 4 Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai perlantikan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata UMNO belum membuat keputusan mengenainya.

Beliau berkata bagaimanapun untuk urusan dengan kerajaan negeri, keputusan sudah dibuat bahawa Senator Haji Annuar Musa mewakili Kerajaan Pusat. -- Bernama